

# **TRAIT PERSONALITI (*EXTRAVERSION, AGREEABLENESS, CONSCIENTIOSNESS, DAN OPENESS*) MENDORONG KECENDERUNGAN KEUSAHAWANAN PELAJAR TEKNIK DAN VOKASIONAL: SATU KAJIAN DI KOLEJ VOKASIONAL DAERAH KUALA TERENGGANU**

*(THE INFLUENCE OF TRAIT EXTRAVERSION, AGREEABLENESS, CONSCIENTIOUSNESS AND OPENESS TOWARDS THE ENTREPRENEURIAL TENDENCY OF KUALA TERENGGANU DISTRICT VOCATIONAL COLLEGE)*

Che Nurul Kamilah Binti Che Alias  
Radin Siti Aishah Radin A. Rahman

[chenurulkamilah89@gmail.com](mailto:chenurulkamilah89@gmail.com)

Fakulti Pendidikan  
Universiti Kebangsaan Malaysia

**Abstrak:** *Kajian ini dijalankan adalah untuk membincangkan mengenai trait personaliti (extraversion, agreeableness, conscientiosness, dan openness) mendorong kecenderungan pelajar vokasional terhadap bidang keusahawanan: satu kajian di kolej vokasional daerah kuala terengganu. Usahawan ialah individu yang mampu melihat dan menilai peluang-peluang perniagaan dan menggabungkan sumber-sumber yang ada seta mengambil tindakan yang sesuai untuk mencapai kejayaan yang ingin dicapai. Tujuan kajian adalah untuk mengkaji trait personaliti (extraversion, agreeableness, conscientiosness, dan openness) mendorong kecenderungan keusahawanan dalam pemilihan kerjaya pelajar kolej vokasioanal. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Seramai 180 orang pelajar kolej vokasional yang telah mengambil kursus keusahawanan di daerah Kuala Terengganu dijadikan sebagai responden kajian. Dapatan kajian mendapati keseluruhan tahap kecenderungan keusahawanan pelajar kolej vokasional berada pada tahap tinggi namun tahap pemilihan kerjaya pelajar berada pada tahap sederhana tinggi. mencapai kejayaan, beberapa cabaran yang usahawan perlu hadapi iaitu dalam mendapatkan modal dan bantuan modal untuk memulakan perniagaan, kekurangan kemahiran insaniah serta kekurangan pekerja-pekerja mahir. Dicadangkan pada masa akan datang ialah usahawan perlu diberi kesedaran untuk terlibat dengan pelbagai program pembangunan usahawan dengan pelbagai strategi dan kempen yang berkesan dan dapat melatih usahawan bagi memastikan bilangan usahawan yang berjaya dapat dipertingkatkan. Kaedah kuantitatif telah digunakan untuk menyokong keberkesanan ciri-ciri ini.*

**Kata kunci:** *trait personaliti, personaliti, usahawan, pelajar kolej vokasional, extraversion, agreeableness, conscientiosness, dan openness.*

**Abstract:** *Problems with the unemployment rate and the lack of effective entrepreneurship education at institutes of higher learning are now very worrying. Therefore, this study was conducted to discuss personality traits that include extraversion, agreeableness, conscientiousness, and openness towards the entrepreneurial tendency of students at the Kuala Terengganu Vocational College. In detail, the objectives of this study are to identify the extent of extraversion, agreeableness, conscientiousness, openness and entrepreneurial tendencies of the Kuala Terengganu Vocational College students ii) to determine the effect of trait extraversion, agreeableness, conscientiousness and openness towards entrepreneurial tendency of Vocational College Kuala Terengganu. This study uses a survey design through a questionnaire on 180 Vocational College students who have taken entrepreneurship courses in the Kuala Terengganu district. Stratified random sampling technique has been used to obtain descriptive and inference analysis. This study has also fulfilled the needs of faculty and content of the appointed experts. While the reliability of each item satisfies a good acceptance level, the Cronbach alpha value for trait extraversion, agreeableness, conscientiousness, openness and entrepreneurial tendency is within the range 0.8-0.9 and enable real field research to be implemented. The findings show the moderate level of trait extraversion, agreeableness, conscientiousness, openness and entrepreneurial tendency of Vocational College students of Kuala Terengganu district. While there is influence of extraversion, agreeableness, conscientiousness and openness toward the entrepreneurial tendency of Vocational College students of Kuala Terengganu district. Entrepreneurs need to be consciously involved with various entrepreneur development programs with various strategies and effective campaigns and can train entrepreneurs to ensure that successful entrepreneurs can be improved.*

**Keywords:** *extraversion trait, agreeableness, conscientiousness, openness, entrepreneurial tendency, Student Vocational College of Kuala Terengganu.*

2019 JGBSE

## **Pendahuluan**

Bidang keusahawanan menjadi salah satu bidang kerjaya pilihan utama bagi graduan-graduan yang baru sahaja menamatkan pelajaran di mana-mana institusi-institusi yang diiktiraf terutamanya di negara-negara maju. Salah satu faktor yang memberi sumbangan utama kepada pertumbuhan ekonomi negara adalah dengan memilih bidang keusahawanan sebagai kerjaya utama dan dijadikan sumber pendapatan yang utama. Namun begitu, perkara ini jauh berbeza dengan situasi yang berlaku di negara kita iaitu Malaysia. Menurut Norasmah (2005), kebanyakan graduan di Malaysia masih lagi menganggap bahawa bidang keusahawanan ini adalah pilihan yang kedua ataupun yang terakhir daripada menjadikan ia sebagai pilihan kerjaya yang utama. Ini adalah kerana kerjaya keusahawanan masih belum mendapat tempat yang utama di kalangan graduan di Malaysia. Menurut Yusof (2010), usahawan adalah satu golongan yang lahir daripada sebahagian daripada masyarakat dan telah diterima sebagai satu golongan yang penting dalam pembangunan sesebuah masyarakat dan juga telah dikenalpasti sebagai salah satu penggubal utama kepada perubahan ekonomi negara.

## **Penyataan Masalah**

Salah satu isu yang hangat diperkatakan sejak beberapa tahun kebelakangan ini adalah pengangguran di kalangan siswazah yang semakin meningkat. Pertambahan institusi pengajian tinggi awam (IPTA) serta institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) yang semakin pesat memberi impak yang sangat besar dalam pembangunan dan perubahan dalam sistem pendidikan negara. Dengan perkembangan yang banyak dan luar jangkaan ini menyebabkan lambakan kadar jumlah tenaga kerja dalam negara semakin bertambah walhal permintaan tenaga kerja yang diperlukan tidak ditawarkan seiring dengan lambakan tenaga kerja yang membuat permohonan. Menurut statistik yang dibuat oleh Jabatan Perangkaan Malaysia pada tahun 2010, telah didapati bahawa jumlah terkini tenaga buruh di Malaysia sejak tahun disember 2010 adalah seramai 12,059,000 orang. Berdasarkan jumlah yang telah dinyatakan itu seramai 391,400 orang daripada jumlah tenaga buruh tersebut adalah jumlah tenaga kerja yang masih lagi menganggur. Kajian juga menunjukkan bahawa seramai 32,000 orang daripada jumlah tenaga kerja yang masih lagi menganggur itu terdirinya daripada siswazah yang telah menamatkan pengajian mereka di IPTS atau IPTS di Malaysia. Abdul Wahid (2015) telah menyatakan bahawa kadar peratusan pengangguran di Malaysia adalah sebanyak tiga peratus dengan kadar pertumbuhan sebanyak tiga peratus setahun bagi tempoh Rancangan Malaysia ke-10 dari tahun 2011 sehingga bulan jun 2015.

Salah satu isu yang sedang hangat diperkatakan adalah isu kurangnya keberkesanan pendidikan keusahawanan yang diberikan di Institusi Pengajian Tinggi. Isu ini sangat berkait rapat dengan pengajaran dan pembelajaran serta kurikulum pendidikan keusahawanan yang diberikan kepada pelajar. Menurut Kementerian Pengajian Tinggi (2010) juga, terdapat kurangnya sokongan penuh daripada pihak atasan dan pengurusan terhadap kursus keusahawanan ini. Norasmah & Norfadhilah (2016) telah menyatakan bahawa terdapat statistik yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi menyatakan peningkatan pelajar yang menceburi bidang keusahawanan pada tahun 2011 seramai 1114 orang pelajar, tahun 2012 seramai 1273 orang pelajar, semakin meningkat pada tahun 2013 iaitu seramai 2387 manakala pada tahun 2014 menunjukkan keputusan yang baik iaitu seramai 4060 orang pelajar yang telah menceburi bidang keusahawanan. Namun begitu, peratusan yang sangat kecil iaitu sekitar 2% bagi mereka yang menceburi bidang keusahawanan selepas tamat pengajian mereka (Kementerian Pendidikan Tinggi, 2016) walaupun peningkatan yang konsisten yang telah ditunjukkan oleh Kementerian terhadap bilangan lulusan pelajar Institut

## **Tinjauan Literatur Pendidikan Kolej Vokasional**

Pendidikan tinggi dan pendidikan vokasional sangat besar perbezaannya. Pengajian tinggi lebih memfokuskan mengenai ilmu saintifik yang penuh bersistematik, manakala pendidikan vokasional lebih kepada latihan yang praktikal untuk pekerjaan tertentu. Maka terhasillah keluaran daripada pengajian tinggi dinilai berdasarkan sumbangan pelajar kepada sains manakala peluaran daripada pendidikan vokasional lebih menekankan kepada keupayaan dan kebolehan pelajar dalam melakukan sesuatu pekerjaan yang berguna. Fakta menunjukkan bahawa dengan pendidikan yang berkesan dan praktikal dapat menghasilkan tenaga kerja manusia dengan minda kelas pertama sekali gus dapat memenuhi kehendak industri yang semakin mencabar pada masa kini dan masa hadapan dapat meningkatkan ekonomi negara. Menurut Siti Nor Atiqah Abdul Padzil (2011)

suasana pengajian tinggi sentiasa berubah dan dinamik dan Malaysia perlu dalam mentransformasikan pengajian tingginya supaya setanding dengan negara-negara maju yang lain.

### **Trait Personaliti**

Satu kajian telah dibuat oleh Lord et al. (1986) menyatakan bahawa terdapat hubungan antara trait personaliti dengan persepsi tingkah laku kepimpinan. Manakala menurut Judge et al. (2002) pula mengatakan dengan mempunyai trait personaliti yang konsisten dapat menjadikan seseorang itu menjadi seorang pemimpin yang berkesan. Akan tetapi terdapat perbezaan dengan kajian yang dibuat oleh Judge et al. (2000) iaitu terdapat hubung kait antara tingkah laku kepimpinan dengan trait personaliti ke atas tingkah laku setiap individu.

### **Metodologi**

Kajian yang dijalankan ini berbentuk deskriptif dimana kaedah yang telah digunakan oleh penyelidik adalah dengan kajian tinjauan. Bagi mendapatkan data dalam kajian ini, kajian berbentuk tinjauan dengan menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian telah digunakan dalam penyelidikan ini. Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang merujuk kepada hasil data yang menghasilkan data numberikal yang dihasilkan secara statistik dalam pengukuran data yang telah dibuat (Ghazali & Sufean, 2016; Othman, 2013). Populasi bagi kajian ini adalah terdiri daripada pelajar kolej vokasional di daerah Kuala Terengganu iaitu seramai 231 orang pelajar. Bagi memudahkan kutipan data, pengkaji telah menggunakan pendekatan persampelan rawak mudah untuk mendapatkan persampelan yang lebih tepat. Sampel rawak mudah digunakan kerana untuk memastikan elemen didalam setiap populasi akan mempunyai peluang yang sama dan bebas untuk dipilih sebagai sampel.

Di dalam soal selidik ini akan dibahagikan kepada dua bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B. Pada bahagian A, soalan dibuat bagi tujuan untuk mengumpul segala data mengenai profil responden kajian manakala pada bahagian B pula, ianya dibuat bagi mengukur trait personaliti pelajar dalam kecenderungan pelajar memilih bidang keusahawanan sebagai kerjaya yang utama. Soal selidik yang dibuat bagi memudahkan responden ketika menjawab dan tidak terdapat sebarang kekeliruan terhadap soalan yang diberikan. Soal selidik ini telah menggunakan skala likert lima poin iaitu dari 1 = Sangat Tidak Setuju kepada 5 = Sangat Setuju.

Kajian rintis adalah salah satu aktiviti yang sangat penting dalam setiap kajian tinjauan dimana selain daripada menentukan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen, ia juga berperanan untuk menguji kaedah yang terbaik bagi mentdbir sesebuah instrumen yang bakal dilakukan, mengenalpasti sampel dan kesesuaian analisis. Untuk meyakinkan bahawa instrumen boleh dijalankan di dalam kajian, penyelidik telah menjalankan ujian Cronbach Alpha bagi menguji kebolehpercayaan soal selidik. Ujian ini dibuat dengan tujuan untuk mengukur tingkah laku atau kecenderungan pemilihan kerjaya keusahawanan di kalangan pelajar. Mohd Majid (2005) telah mengatakan bahawa kajian yang menggunakan instrumen ini adalah lebih baik dan boleh digunapakai jika kebolehpercayaan melebihi 0.6 dan kesahan melebihi 0.3. Data-data yang diperolehi akan dianalisis dengan menggunakan perisian '*Statistical Package for Social Science*' (SPSS) versi 23.0. Beberapa analisis yang telah dijalankan untuk kajian ini. Pertamanya, statistik deskriptif seperti min, peratusan dan taburan kekerapan dalam maklumat responden yang

terdiri daripada para pelajar. Ia hanya melibatkan dengan beberapa maklumat seperti jantina, umur, bangsa, agama dan bidang/jurusan aliran. Seterusnya, statistik yang telah digunakan di dalam kajian ini adalah ujian-t, ujian ANOVA sehalu, ujian korelasi Pearson dan ujian regresi pelbagai. Kesemua kaedah yang telah digunakan ini adalah untuk menguji kebolehan pelajar dalam menyelesaikan masalah riba dalam perniagaan mengikut peraturan dan nilai keagamaan.

## Profil Demografi

### Latar Belakang Responden

Responden terdiri daripada 231 orang pelajar vokasional yang mengambil mata pelajaran keusahawanan di daerah Kuala Terengganu. Jadual 1 menunjukkan keputusan yang didapati daripada profil latar belakang responden yang terlibat. Analisis menunjukkan responden lelaki adalah 51.9% (120 orang) manakala responden perempuan adalah 48.1% (111 orang). Majoriti responden yang terlibat adalah berbangsa Melayu iaitu 89.6% (207 orang), India seramai 6.1% (14 orang), Cina pula meliputi 2.2% (5 orang) dan lain-lain bangsa 2.2% (5 orang). Terdapat 62.3% (144 orang) responden yang bukan berasal daripada keluarga yang berlatar belakang usahawan manakala 37.7% (87 orang) responden yang berlatar belakang keluarga dalam kalangan usahawan.

**Jadual 1**

Profil Demografi	Kategori	Frekuensi	Peratus
Jantina	Lelaki	120	51.9
	Perempuan	111	48.1
	Jumlah	231	100
Bangsa	Melayu	207	89.6
	India	14	6.1
	Cina	5	2.2
	Lain-lain	5	2.2
	Jumlah	231	100
Latar belakang	Usahawan	87	37.7
	Bukan usahawan	144	62.3
	Jumlah	231	100

### Pengalaman Dalam Menceburkan Diri Dalam Bidang Keusahawanan

Merujuk kepada analisis yang telah dijalankan, jadual 2 dibawah menunjukkan bilangan responden yang pernah mendapat pendedahan dan pengalaman kepada bidang keusahawanan adalah seramai 55% (127 orang) manakala bagi responden yang tidak mendapat sebarang pendedahan dan pengalaman terhadap bidang keusahawanan adalah sebanyak 45% (104 orang). Terdapat seramai 83.1% (192 orang) responden yang pernah menyertai aktiviti atau program perniagaan yang di anjurkan oleh mana kelab/program yang telah dianjurkan oleh pihak sekolah manakala seramai 16.9% (39orang) responden yang tidak pernah menyertai mana-mana aktiviti atau program perniagaan yang telah dianjurkan oleh pihak sekolah.

**Jadual 2 : Profil Pengalaman Keusahawanan Pelajar**

Profil pengalaman	Kategori	Frekuensi	Peratus
Pengalaman Perniagaan	Ya	127	55
	Tidak	104	45
	<b>Jumlah</b>	<b>231</b>	<b>100</b>
Adakah Anda Pernah Menyertai Aktiviti atau Program Perniagaan	Ya	192	83.1
	Tidak	39	16.9
	<b>Jumlah</b>	<b>231</b>	<b>100</b>

### **Tahap Kecenderungan Keusahawanan Pelajar Teknik & Vokasional Aliran Perniagaan**

Analisis skor min, sisihan piawai dan tahap kecenderungan keusahawanan pelajar teknik & vokasional terhadap bidang perniagaan ditunjukkan dalam Jadual 3. Interpretasi skor menunjukkan bahawa tahap kecenderungan keusahawanan pelajar terhadap bidang perniagaan pada tahap sederhana tinggi iaitu (min = 4.21, s.p. = .42). Kajian analisis juga dapat menyakinkan bahawa bidang keusahawanan ini telah mendapat perhatian yang tinggi oleh pihak kerajaan dengan memberikan kemahiran asas kepada pelajar-pelajar teknik & vokasional di negara kita.

### **Tahap Trait *Extraversion* Yang Mendorong Kecenderungan Keusahawanan Pelajar Teknik & Vokasional Aliran Perniagaan**

Analisis skor min, sisihan piawai tahap trait *extraversion* yang mendorong kecenderungan pelajar teknik & vokasional aliran perniagaan ditunjukkan dalam Jadual 3. Interpretasi skor menunjukkan bahawa tahap trait *extraversion* yang mendorong kecenderungan pelajar teknik & vokasional aliran perniagaan pada tahap sederhana tinggi iaitu (min = 3.48, s.p. = .4). Dengan pelaksanaan pembangunan Pendidikan Teknikal dan Vokasional ini dapat melaksanakan transformasi melalui pengajian pengalaman, mendedahkan pengetahuan bekerja didalam bilik darjah dan mengintergrasikan pengetahuan pelajar berasaskan alam pekerjaan. Seperti yang diilhamkan oleh Perdana Menteri Malaysia yang keempat iaitu Tun Dr. Mahathir Mohamad yang ingin menjadikan wawasan negara adalah untuk menjadi sebuah negara perindustrian yang maju menjelang tahun 2020.

### **Tahap Trait *Agreeableness* Yang Mendorong Kecenderungan Keusahawanan Pelajar Teknik & Vokasional Aliran Perniagaan.**

Analisis skor min, sisihan piawai tahap trait *agreeableness* yang mendorong kecenderungan keusahawanan pelajar teknik & vokasional aliran perniagaan. ditunjukkan dalam Jadual 3. Interpretasi skor menunjukkan bahawa tahap trait *agreeableness* yang mendorong kecenderungan keusahawanan pelajar teknik & vokasional aliran perniagaan pada tahap sederhana tinggi iaitu (min = 3.24, s.p. = .43). Sistem pendidikan di Malaysia telah banyak mengalami perubahan dan reformasi mengikut peredaran masa seiring dengan teknologi pada masa kini.

### Tahap Trait Conscientiousness Yang Mendorong Kecenderungan Keusahawanan Pelajar Teknik & Vokasional Aliran Perniagaan

Analisis ini dijalankan bagi menguji tahap trait *conscientiousness* yang mendorong kecenderungan keusahawanan pelajar. Berdasarkan analisis bagi mendapatkan keputusan untuk frekuensi, purata skor min dan sisihan piawai dijalankan seperti yang tertera di jadual 3, purata skor min bagi tahap trait *conscientiousness* yang mendorong keusahawanan belajar telah menunjukkan sebanyak 4.35 manakala bagi tahap trait *conscientiousness* sisihan piawai pula adalah 0.37. Berdasarkan keputusan yang telah dianalisis ini menunjukkan bahawa tahap trait *conscientiousness* kecenderungan keusahawanan pelajar teknik & vokasional berada pada tahap sederhana tinggi.

### Tahap Trait Openness Yang Mendorong Kecenderungan Keusahawanan Pelajar Teknik & Vokasional Aliran Perniagaan

Analisis ini dijalankan bagi menguji tahap trait *openness* yang mendorong kecenderungan keusahawanan pelajar. Berdasarkan analisis bagi mendapatkan keputusan untuk frekuensi, purata skor min dan sisihan piawai dijalankan seperti yang tertera di jadual 3, purata skor min bagi tahap trait *openness* yang mendorong keusahawanan belajar telah menunjukkan sebanyak 3.16 manakala bagi tahap trait *openness* sisihan piawai pula adalah 0.46. Berdasarkan keputusan yang telah dianalisis ini menunjukkan bahawa tahap trait *openness* kecenderungan keusahawanan pelajar teknik & vokasional berada pada tahap sederhana tinggi.

**Jadual 3: Tahap trait *extraversion*, *agreeableness*, *conscientiousness* & *openness* yang mendorong kecenderungan keusahawanan pelajar teknik & vokasional aliran perniagaan**

Bi l	Konstruk	Skor Min	Sisihan Piawai	Tahap Skor Min
1	Tahap Kecenderungan Keusahawanan Pelajar	4.21	0.42	sederhana tinggi
2	Tahap trait <i>extraversion</i>	3.48	0.40	sederhana tinggi
3	Tahap trait <i>agreeableness</i>	3.24	0.43	sederhana tinggi
4	Tahap trait <i>conscientiousness</i>	4.35	0.37	sederhana tinggi
5	Tahap trait <i>openness</i>	3.16	0.46	sederhana tinggi

### Perbezaan Kecenderungan Keusahawanan Pelajar Lelaki Dan Perempuan

Analisis ujian-t yang digunakan bagi menguji sejauh mana terdapatnya perbezaan kecenderungan pelajar lelaki dan perempuan. Jadual 4 mendapati bahawa nilai-t bagi perbezaan kecenderungan keusahawanan pelajar lelaki dan perempuan ialah  $t=-0.769$  dan tahap signifikan  $p=0.02$ . tahap signifikan ini lebih kecil daripada 0.05 ( $p>0.05$ ). Oleh itu, persoalan keenam ini mempunyai perbezaan yang signifikan terhadap kecenderungan keusahawanan pelajar lelaki dan perempuan.

**Jadual 4: Perbezaan Kecenderungan Keusahawanan Pelajar Lelaki Dan Perempuan**

Jantina	Bil	Min	Sisihan piawai	Nilai - t	Tahap signifikan
Lelaki	120	4.191	0.456	-0.769	0.02
Perempuan	111	4.234	0.378		

**Terdapat Hubungan Antara Trait Extraversion Dengan Kecenderungan Keusahawanan Pelajar Teknik & Vokasional Aliran Perniagaan**

Analisis korelasi pearson telah digunakan bagi menguji hubungan yang signifikan bagi trait *extraversion* dengan kecenderungan keusahawanan pelajar teknik & vokasional aliran perniagaan. Jadual 5 menunjukkan keputusan setelah menganalisa kajian menggunakan analisis korelasi pearson. Berdasarkan jadual dibawah, korelasi trait *extraversion* dengan kecenderungan keusahawanan pelajar teknik & vokasional aliran perniagaan adalah positif dan signifikan ( $r = 0.636$ ,  $p < 0.05$ ). Dengan keputusan yang telah dianalisis, kajian mendapati bahawa hubungan antara pemboleh ubah adalah sederhana kuat.

**Jadual 5: Hubungan Antara Trait Extraversion Dengan Kecenderungan Keusahawanan Pelajar Teknik & Vokasional Aliran Perniagaan**

Pemboleh ubah	r	Sig.	Tahap kekuatan hubungan
<i>Extraversion</i>	0.636**	0.000	Sederhana

**Terdapat Hubungan Antara Trait Agreeableness Dengan Kecenderungan Keusahawanan Pelajar Teknik & Vokasional Aliran Perniagaan**

Jadual 6 menunjukkan keputusan setelah menganalisa kajian menggunakan analisis korelasi pearson. Bagi menguji hubungan yang signifikan analisis korelasi pearson telah digunakan bagi mendapatkan hubungan antara trait agreeableness dengan kecenderungan keusahawanan pelajar teknik & vokasional aliran perniagaan. Berdasarkan jadual dibawah, korelasi trait agreeableness dengan kecenderungan keusahawanan pelajar teknik & vokasional aliran perniagaan adalah positif dan signifikan ( $r = 0.527$ ,  $p < 0.05$ ). Dengan keputusan yang telah dianalisis, kajian mendapati bahawa hubungan antara pemboleh ubah adalah sederhana kuat.

**Jadual 6: Hubungan Antara Trait Agreeableness Dengan Kecenderungan Keusahawanan Pelajar Teknik & Vokasional Aliran Perniagaan**

Pemboleh ubah	r	Sig.	Tahap kekuatan hubungan
<i>Agreeableness</i>	0.527**	0.000	Sederhana



### **Terdapat Hubungan Antara Trait *Conscientiousness* Dengan Kecenderungan Keusahawanan Pelajar Teknik & Vokasional Aliran Perniagaan**

Analisis korelasi pearson telah digunakan bagi menguji hubungan yang signifikan bagi trait *conscientiousness* dengan kecenderungan keusahawanan pelajar teknik & vokasional aliran perniagaan. Jadual 4.11 menunjukkan keputusan setelah menganalisa kajian menggunakan analisis korelasi pearson. Berdasarkan jadual dibawah, korelasi trait *conscientiousness* dengan kecenderungan keusahawanan pelajar teknik & vokasional aliran perniagaan adalah positif dan signifikan ( $r = 0.411$ ,  $p < 0.05$ ). Analisis kajian mendapati bahawa hubungan antara pemboleh ubah adalah sederhana kuat.

**Jadual 7: Hubungan Antara Trait *Conscientiousness* Dengan Kecenderungan Keusahawanan Pelajar Teknik & Vokasional Aliran Perniagaan**

Pemboleh ubah	r	Sig.	Tahap kekuatan hubungan
<i>Conscientiousness</i>	0.411**	0.000	Sederhana

### **Terdapat Hubungan Antara Trait *Openness* Dengan Kecenderungan Keusahawanan Pelajar Teknik & Vokasional Aliran Perniagaan**

Jadual 8 telah menunjukkan keputusan kajian yang menggunakan analisis korelasi pearson. Bagi menguji hubungan yang signifikan analisis, korelasi pearson telah digunakan bagi mendapatkan hubungan antara trait *openness* dengan kecenderungan keusahawanan pelajar teknik & vokasional aliran perniagaan. Berdasarkan jadual dibawah, korelasi trait *openness* dengan kecenderungan keusahawanan pelajar teknik & vokasional aliran perniagaan adalah positif dan signifikan ( $r = -0.172$ ,  $p < 0.05$ ). Dengan keputusan yang telah dianalisis, kajian mendapati bahawa hubungan antara pemboleh ubah adalah sederhana kuat.

**Jadual 8: Hubungan Antara Trait *Openness* Dengan Kecenderungan Keusahawana Pelajar Teknik & Vokasional Aliran Perniagaan**

Pemboleh ubah	r	Sig.	Tahap kekuatan hubungan
<i>Openness</i>	-0.172**	0.000	Sederhana

### **Kesimpulan**

Kajian ini dibuat dengan tujuan bagi mengenal pasti tahap kecenderungan keusahawanan, tahap trait *extraversion*, tahap trait *agreeableness*, tahap trait *conscientiousness* dan tahap trait *openness* yang mendorong kecenderungan keusahawanan pelajar teknik & vokasional aliran perniagaan. Kajian ini juga menguji perbezaan kecenderungan keusahawanan di antara pelajar lelaki dan perempuan. Beberapa uji kaji telah di analisis bagi mengenal pasti hubungan antara trait *extraversion* dengan kecenderungan keusahawanan pelajar, hubungan antara trait *agreeableness* dengan kecenderungan keusahawanan pelajar, hubungan antara trait *conscientiousness* dengan kecenderungan keusahawanan pelajar dan hubungan antara trait *openness* dengan kecenderungan keusahawanan pelajar. Dapatan kajian mendapati bahawa terdapat hubungan di antara trait *extraversion* dengan kecenderungan keusahawanan pelajar, trait *agreeableness* dengan

kecenderungan keusahawanan pelajar, trait *conscientiousness* dengan kecenderungan keusahawanan pelajar dan trait *openness* dengan kecenderungan keusahawanan pelajar. Kajian juga membuktikan terdapat hubungan diantara bagi kecenderungan keusahawanan pelajar lelaki dan perempuan.

## Rujukan

- Mohd Nasrul Hakim B Jalaludin. 2015. Kajian Kecenderungan Keusahawanan Pelajar Di University Kuala Lumpur. Universiti Utara Malaysia Sebagai Memenuhi Syarat Keperluan Ijazah Sarjana Sains (Pengurusan) Universiti Utara Malaysia.
- Ida Nadia Hamidon & Khairul Anuar Mohd Ali. 2016. Peranan University Sebagai Pembimbing Terhadap Kecenderungan Keusahawanan Pelajar (*The Role Of University As A Coach On Entrepreneurial Inclination Among Students*). *Journal Of Global Business And Social Entrepreneurship* (GBSE). Vol. 1 : No. 1 (2016) Page 48 – 54.
- Wan Mohd Zaifurin Wan Nawang, Nor Hayati Sa'at, Sabri Ahmad & Ibrahim Mamat. 2016. Peranan Pemboleh Ubah Demografi Dalam Meramalkan Kecenderungan Ahli Program Tunas Niaga Menceburi Kerjaya Keusahawan. *Journal Of Holistic Student Development* Vol. 1, No. 1 (2016).
- Mohammad Suwardi Bin Mohd Yusof, Noor Azman Bin Abdullah, Lingaswaran A/L Arjunan & Marina Bt Mustapa Al Bakri. 2017. Pengaruh Pengalaman Keusahawanan Dalam Kalangan Pelajar Jurusan Perakaunan Kolej Matrikulasi Perak. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi* Jilid 13, 2017.
- Nurazlinda Binti Yahya @ Muhammed & Suaiza Binti Khairi. 2017. Kecenderungan Pelajar-Pelajar Kursus Keusahawanan Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (Psa) Terhadap Bidang Keusahawanan. *E Proceeding National Innovation And Invention Competition Through Exhibition (Icompex '17)*.
- Zairon Mustapha, Mohd Yusof Tawang & Abdul Halim Ahmad. Faktor Yang Mempengaruhi Niat Keusahawanan Dalam Kalangan Pelajar Kolej Komuniti Malaysia. *Politeknik & Kolej Komuniti Journal Of Social Sciences And Humanities*, Vol. 1, 2016.
- Wan Mohd Zaifurin Wan Nawang, Nor Hayati Sa'at, Sabri Ahmad & Ibrahim Mamat. 2016. Kecenderungan Keusahawanan Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Di Negeri Terengganu (*The Intention Entrepreneurship Among Secondary School Students In State Of Terengganu*). *Jurnal Pendidikan Malaysia* 41(1)(2016) : 87 – 98
- Ravi A/L Nagaratham. 2015. Hubungan Sikap, Pemikiran Dan Tingkah Laku Terhadap Terhadap Keinginan Dalam Pemilihan Kerjaya Keusahawanan Dalam Kalangan Prasiswazah India Di Institut Pengajian Tinggi Sekitar Bangi. *Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi*.
- Nur zafirah binti abdul Rahim. 2017. Impak kursus keusahawanan terhadap kecenderungan pelajar dalam pemilihan kerjaya keusahawanan. *Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi*.
- Mohd Nasrul Hakim B Jalaludin. 2015. Kajian Kecenderungan Keusahawanan Pelajar Di Universiti Kuala Lumpur. Universiti Utara Malaysia.
- Wan Mohd Zaifurin Wan Nawang, Nor Hayati Sa'at, Sabri Ahmad & Ibrahim Mamat. 2016. Kebaikan Pekerjaan Keusahawanan Sebagai Pengantara Antara Faktor – Faktor Peramal Dan Kecenderungan Pelajar Menceburi Kerjaya Keusahawanan.

- Norhaiza Binti Tahir. 2015. Hubungan Personaliti Guru Terhadap Kemahiran Proses Sains Pelajar. Fakulti Pendidikan Teknik Dan Vokasional. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Mashithoh Binti Ismail. 2014. Kesan Tret Personaliti Terhadap Prestasi Kerja Di Kalangan Warga Kerja Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau Dan Air (Kettha). Fakulti Sains Sosial Gunaan. Open University Malaysia.
- Radin Siti Aishah Binti Radin A Rahman. 2016. Kesan Status Anggota Enactus Sebagai Penyerdahana Antara Personaliti Usahawan, Modal Insan Dan Modal Sosial Dengan Tekad Keusahawanan Sosial Di Institusi Pengajian Tinggi. University Putra Malaysia.
- Farrah Syamimi Binti Che Ros. 2016. Trait Personaliti Graduan Wanita Di Malaysia Technical University (Mtu) Dalam Pemilihan Kerjaya. Fakulti Pendidikan Teknikal. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Fatimahwati Halim & Ling Sin Chieng. 2016. Hubungan Antara Determinasi Kendiri, Personaliti *Big Five* Dengan Motivasi Pencapaian Dan Pencapaian Akademik (The Relationship Of Self-Determination And Big Five Personality To Achievement Motivation And Academic Achievement). Jurnal Psikologi Malaysia 30 (2) (2016) : 114 – 126 Issn – 2289 – 8174.
- Ahmad Amin Bin Mohamad Sulaiman. 2015. Pengaruh Tret Personaliti, Kerasionalan Dan Efikasi Kendiri Terhadap Gaya Membuat Keputusan Dalam Kalangan Pelajar.
- Zulewati Bujang & Yusni Zaini Yusof. 2015. Trait Personaliti Dan Hubungan Dengan Prestasi Akademik Bakal Guru Di Sebuah Institusi Latihan Perguruan. Jurnal Bitara Edidi Khas (Psikologi Kaunseling) Vol. 8 2015.